

# Bayar zakat sebelum 31 Disember

Nikmati rebat cukai pendapatan dan pelbagai hadiah sempena kempen YEZ 2023 PPZ-MAIWP

Oleh NORAFIZA JAAFAR  
KUALA LUMPUR

**P**usat Pungutan Zakat-Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) menyeru umat Islam menyegerakan bayaran zakat sebelum 31 Disember ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAIWP, Abdul Hakim Amir Osman berkata, mereka yang membayar zakat bermula 18 November hingga hujung tahun ini berpeluang menikmati rebat cukai pendapatan selain menikmati pelbagai tawaran hadiah menarik sempena Kempen Year

End Zakat (YEZ) 2023.

Menurutnya, sebagai galakan dan penghargaan, pelbagai pengisian disediakan kepada pembayar zakat antaranya tawaran 1,000 hadiah menarik seperti pakej umrah, telefon pintar dan peralatan dapur Thermomix sepanjang tempoh kempen.

"Bertemakan 'Makna Kaya Sebenar', kami ingin mengajak masyarakat untuk tidak menilai kejayaan dengan harta dan material mewah.

"Sebaliknya, kekayaan sebenar adalah terletak di dalam hati, apabila kita memberi dan berbagi rezeki dengan mereka yang memerlukan," katanya sempena pelancaran Kempen YEZ 2023 di Taman Metropolitan, Kepong di sini pada Sabtu.

Dalam majlis pelancaran itu turut diadakan Fit Zakat 2023 bertujuan memupuk gaya hidup sihat sambil memberikan ke-



Abdul Hakim (dua dari kanan) ketika pelancaran Kempen YEZ 2023 PPZ-MAIWP di Kepong pada Sabtu.

sedaran berzakat kepada masyarakat menerusi Kempen YEZ. Abdul Hakim memberitahu, PPZ-MAIWP menyasarkan kutipan zakat sebanyak RM1 bilion tahun ini dengan sejumlah RM688.7 juta telah berjaya dikutip sehingga Ogos lalu.

"Insya-ALLAH dalam tem-

poh dua bulan, PPZ-MAIWP memerlukan RM312 juta lagi bagi mencapai sasaran tersebut.

"Angka ini tidak mudah dicapai, ia memerlukan usaha keras dan berterusan serta sokongan daripada masyarakat Islam yang layak berzakat untuk tunai kewajipan," jelasnya.

Mengulas lanjut mengenai penyaluran zakat, beliau maklumkan ketika ini bilangan penerima yang dibantu secara bulanan mencecah lebih 30,200 keluarga.

Jumlah itu katanya, dijangka meningkat kepada 37,000 ketua keluarga pada tahun 2024.

"Kutipan zakat ini penting agar golongan asnaf dan miskin bandar dapat menikmati manfaat untuk kelangsungan hidup," jelas beliau.

Sepanjang bulan Disember, 10 kaunter PPZ-MAIWP akan beroperasi dari jam 8 pagi hingga 4.45 petang pada setiap hari termasuk cuti umum. Bagi minggu terakhir Disember ini, kaunter PPZ-MAIWP akan dibuka sehingga jam 9 malam.

Selain itu, pembayar zakat juga boleh menuaikan tanggungjawab menggunakan ke mudahan dalam talian menerusi portal [zakat.com.my](http://zakat.com.my), aplikasi MyZakat, perbankan internet serta ejen rasmi dilantik PPZ-MAIWP.